



MANUAL PELESENAN

# PANDUAN PERMOHONAN DAN PERATURAN LESEN **PREMIS DAN IKLAN**

Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Pulau Pinang

September 2021



PENANG  
**2050**



# MANUAL PELESENAN

## Panduan Permohonan dan Peraturan

### Lesen Premis dan Iklan

**Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Pulau Pinang**

September 2021

*Nota : Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah tepat pada masa ianya di DITERBITKAN. Pemohon boleh merujuk kepada MBSP bagi mendapatkan maklumat terperinci dan terkini. Mana-mana peruntukan dalam garis panduan yang bercanggah dengan peruntukan undang-undang, peruntukan undang-undang terkini akan terpakai.*

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1 Badan Pendaftar Perniagaan	4
1.2 Siapa Yang Boleh Memohon?	5
1.3 Rantaian Pelesenan Perniagaan	5
1.4 Definisi Lesen Premis & Iklan	6
1.5 Keperluan Pematuhan Khusus	6
1.5.1 Pematuhan Zon Perancangan	
1.5.2 Pematuhan Syarat Keselamatan Premis Bangunan	
1.5.3 Keperluan Pematuhan Alam Sekitar	
1.5.4 Ubahsuai Premis/ Bangunan Perniagaan	
1.5.5 Tukar Syarat Guna Premis/ Bangunan Perniagaan	
1.6 Pengecualian Keperluan Lesen Premis & Iklan	8
1.7 Lain-Lain Pihak Berkuasa Melesen	9
1.8 Asas Perundungan Yang Digunakan	9
1.8.1 Perundungan Persekutuan	
1.8.2 Perundungan Negeri	
1.8.3 Perundungan MBSP	
<b>2.0 PERMOHONAN LESEN PREMIS &amp; IKLAN</b>	
2.1 Kategori Permohonan Lesen	11
2.2 Tatacara Permohonan Secara Atas Talian (Online)	12
2.3 Pematuhan Syarat/ Keperluan Asas Sebelum Memohon	26
<b>3.0 SYARAT DAN PERATURAN LESEN PREMIS &amp; IKLAN</b>	
3.1 Syarat Dan Peraturan Am	27
3.2 Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Pusat Jagaan / Taska / Tadika Pusat Tuisyen / Sekolah Muzik / Institusi Pendidikan / Pusat Perkembangan Minda	30

3.3	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Perniagaan Pasaraya / Hypermarket / Supermarket	31
3.4	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Hiburan (Pub/ Pusat Istirehat/ Karaoke / Snuker Dll) Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Hiburan Awam (Pub / Pusat Istirehat / Karaoke / Snuker Dan Lain-Lain Berkaitan Aktiviti Hiburan)	33
3.5	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Pusat Rawatan Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan	34
3.6	Syarat Pelesenan Bagi Perniagaan Pusat Siber / Kedai Internet Cafe	34
3.7	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Perniagaan Dobi / Pusat Cucian	36
3.8	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Perniagaan Hotel/ Rumah Tumpangan/ Premis Penginapan	36
3.9	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Perniagaan Menjual Kereta Terpakai / Pusat Mencuci Kereta / Kedai Aksesori Kenderaan / Kedai Mengecat Kenderaan	38
3.10	Syarat Pelesenan Bagi Aktiviti Perindustrian/ Perkilangan	39
3.11	Syarat-Syarat Am Bagi Pemasangan Iklan Premis Perniagaan	42
3.12	Syarat Pelesenan Bagi Premis Makanan / Medan Selera	43
<b>4.0</b>	<b>PEMBAHARUAN LESEN</b>	47
<b>5.0</b>	<b>PINDAAN LESEN</b>	47
Lampiran I	Lesen Premis & Iklan: Tambahan Keperluan Dokumen Sokongan Mengikut Aktiviti Perniagaan	48
Carta Alir I	Proses Kelulusan Lesen Premis & Iklan  Keputusan Serta-Merta – 1 Hari Bekerja	63
Carta Alir II	Proses Kelulusan Lesen Premis & Iklan  Keputusan Pegawai Pelesen – (21 Hari Bekerja)	64
Jadual A	Jadual Aktiviti Perniagaan Tidak Berisiko dan Berisiko	65

## **1.0 PENGENALAN**

Perniagaan adalah merujuk kepada semua aktiviti perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesion atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud mendapat keuntungan. Lesen perniagaan adalah merupakan suatu dokumen kelulusan yang boleh melayakkan seseorang pemohon itu untuk menjalankan perniagaannya mengikut jenis-jenis aktiviti perniagaan yang dinyatakan di dalam lesen yang dikeluarkan samada oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBM) di peringkat persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - Majlis Bandaraya Seberang Perai di mana lokasi aktiviti perniagaan dijalankan.

### **1.1 Badan Pendaftar Perniagaan**

Adalah menjadi kewajipan setiap perniagaan yang dijalankan untuk mendaftar (SSM/SKM/Badan Profesional Berkaitan) dan mendapatkan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Melesen (PBM) berkaitan berdasarkan peruntukan perundangan dan peraturan yang dikuatkuasa dari semasa ke semasa. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) merupakan badan pendaftar utama yang mendaftar kira-kira 90% daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia.

Terdapat juga beberapa badan lain yang mendaftar entiti perniagaan di Malaysia mengikut undang-undang tertentu seperti pengamal perubatan dan pengamal pergigian mendaftar premis perniagaan/klinik di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia Malaysia.

Manakala bagi aktiviti-aktiviti profesional yang dikawal selia oleh badan-badan profesional berkaitan seperti amalan perundingan guaman, arkitek, akauntan, juru ukur bahan dan sebagainya hendaklah mendaftarkan aktiviti perniagaan tersebut mengikut badan-badan berkaitan (seperti jadual 1.1). Sebagai contoh, bagi entiti koperasi yang ingin menjalankan perniagaan perlu terlebih dahulu mendaftar penubuhan koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

No.	Dokumen Daftar Perniagaan	Pihak Berkuasa Melesen
1.	Pendaftaran Perniagaan & Pendaftaran Syarikat (entiti enterprais/ syarikat/ LLP/ Sdn Bhd)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2.	Pendaftaran Koperasi	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
3.	Pendaftaran Pengamal Aktiviti Profesional i. Akauntan bertauliah ii. Peguam	Institut Akauntan Malaysia (MIA) Badan Peguam Malaysia (BAR)

No.	Dokumen Daftar Perniagaan	Pihak Berkuasa Melesen
	iii. Arkitek iv. Jurutera v. Jurukur Bahan vi. Jurukur Tanah	Lembaga Arkitek Malaysia Lembaga Jurutera Malaysia Lembaga Jurukur Bahan Malaysia Lembaga Jurukur Tanah Malaysia

Jadual 1.1 - Badan Pendaftar Entiti Perniagaan

### 1.2 Siapa yang Boleh Memohon?

Sesiapa sahaja yang memenuhi syarat/ peraturan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan MBSP seperti;

- A) Milikan Tunggal
- B) Perkongsian/ Perkongsian Liabiliti Terhad/ Syarikat
- C) Badan Profesional
- D) Koperasi
- E) Persatuan/ Pertubuhan/ Kelab

\*tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh MBSP (jika berkaitan)

### 1.3 Rantaian Pelesenan Perniagaan



Rajah 1.3: Rantaian Keperluan Pematuhan Peraturan Perniagaan

Sebelum memulakan perniagaan, pemilihan lokasi dan premis bangunan mestilah mematuhi syarat asas yang telah ditetapkan oleh MBSP terutama berkaitan dengan syarat status guna tanah, kelulusan kebenaran merancang, kelulusan pembangunan, pelan bangunan, perakuan siap dan pematuhan (CCC), kelulusan ubahsuai bangunan jika berkaitan, syarat guna bangunan/premis, penetapan zon mengikut aktiviti perniagaan, syarat keselamatan premis, syarat pematuhan pengurusan sisa pepejal/ alam sekitar serta lain-lain syarat tambahan yang dikenakan oleh MBSP dan pihak berkuasa.

Seterusnya, pemohon perlu mendaftarkan entiti perniagaan dan mendapatkan lesen perniagaan berkaitan mengikut aktiviti perniagaan yang dijalankan dari Pihak Berkuasa Melesen berkenaan. Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat dan peraturan yang dikuatkuasa mengikut kepada jenis perniagaan yang ingin dijalankan. Pihak Berkuasa Melesen termasuk MBSP juga berhak mengenakan apa-apa syarat tambahan yang difikirkan perlu kepada pemegang lesen perniagaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu juga, pemilik perniagaan mestilah mematuhi syarat dan peraturan berkaitan dengan pekerja yang dikenakan oleh pengawalselia yang lain seperti KWSP, PERKESO, LHDN, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sebagainya.

#### **1.4 Definisi Lesen Premis & Iklan yang dikeluarkan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) MBSP:**

- Dokumen kebenaran yang dikeluarkan oleh MBSP kepada peniaga untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan/komersil/industri yang dikawal selia di bawah peruntukan UUK MBSP di kawasan atau premis bangunan kekal/bangunan separuh kekal/bangunan sementara yang berada di bawah kawalan pentadbiran MBSP;
- Mematuhi syarat - syarat pelesenan dan undang - undang yang berhubung dengannya termasuk agensi persekutuan yang lain. (lokasi perniagaan, syarat guna bangunan, status tanah, status tapak perniagaan, premis bangunan, keselamatan / persekitaran dll)

#### **1.5 Keperluan Pematuhan Khusus**

Sebelum dan semasa menjalankan aktiviti perniagaan, pemilik perniagaan perlu mematuhi keperluan pematuhan khusus yang dikuatkuasa. Di antaranya adalah seperti keperluan pematuhan syarat keselamatan premis bangunan dan keperluan pengurusan sisa pepejal serta pematuhan pemeliharaan alam sekitar seperti dibawah.

##### **1.5.1 Pematuhan Zon Perancangan**

Pematuhan terhadap zon pembangunan seperti zon industri, komersil, kediaman yang diberikan kebenaran tukar guna merupakan antara asas peraturan yang perlu diambil kira oleh komuniti perniagaan dalam memulakan dan menjalankan aktiviti perniagaan. Kegagalan pematuhan peraturan ini boleh menyebabkan permohonan lesen aktiviti perniagaan yang ingin dijalankan akan ditolak oleh MBSP.

### 1.5.2 Pematuhan Syarat Keselamatan Premis Bangunan

Pemilik premis perlu memastikan premis berkenaan mematuhi keperluan keselamatan kebakaran berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) serta piawaian-piawaian yang berkaitan (contoh memasang alat pemadam api yang sah), tiada bahaya kebakaran berdasarkan Akta Bomba 1988 dan tiada pengubahsuaian pada bangunan sebagaimana pelan asal yang diluluskan. Ianya termasuk jika terdapat aktiviti pemasangan/ pembinaan hendaklah tidak mengganggu/ menghalang pepasangan kelengkapan kebombaan seperti pili bomba, akses jentera bomba dan lain-lain.

### 1.5.3 Keperluan Pematuhan Alam Sekitar

Pemegang lesen perlu memastikan pengurusan sisa air/ bahan buangan/ sisa pepejal/ sisa sampah domestik yang terhasil daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh MBSP. Pembakaran terbuka adalah di larang sama sekali.

### 1.5.4 Ubahsuai Premis/ Bangunan Perniagaan

Sebarang ubahsuai/ pindaan premis bangunan perniagaan hendaklah mendapat kelulusan pelan berkaitan yang ditetapkan oleh MBSP. Kerja ubahsuai bermaksud sebarang kerja pembinaan, perubahan dan tambahan yang dilakukan ke atas premis / bangunan yang telah disiapkan termasuklah kerja-kerja yang dilaksanakan tanpa melibatkan perubahan terhadap struktur, ruang, dan fungsi sesuatu bangunan.

Pemilik / penyewa bertanggungjawab untuk mendapatkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada *Principal Submitting Person* (PSP) yang dilantik terhadap mana-mana kerja ubahsuai yang diluluskan MBSP melalui Permohonan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai apabila kerja-kerja berkenaan disiapkan.

Sebarang ubahsuai/ pindaan tanpa kelulusan terhadap premis bangunan adalah tidak dibenarkan.

### 1.5.5 Tukar Syarat Guna Premis/ Bangunan Perniagaan

Sebarang aktiviti perniagaan yang dijalankan di premis bangunan hendaklah mematuhi syarat guna sepertimana yang telah diluluskan dalam pelan pembangunan. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan berkaitan terlebih dahulu sekiranya terdapat perubahan guna syarat dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan.

## 1.6 Pengecualian Keperluan Lesen Premis & Iklan

Sepertimana yang dinyatakan di atas, setiap perniaga perlu memperolehi Lesen Premis & Iklan daripada MBSP sebelum memulakan sebarang aktiviti perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengecualian yang diberikan oleh MBSP daripada melesenkan perniagaan terhadap beberapa aktiviti perniagaan profesional seperti **klinik perubatan/pergigian swasta dan pejabat urusan bagi aktiviti badan profesional seperti pejabat guaman, pejabat akauntan, arkitek, jurukur dan sebagainya mengikut peruntukan perundangan berkaitan.** (perlu rujuk MBSP untuk senarai terkini) . Pengecualian ini adalah selaras di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MBSP 1980 yang menyatakan seperti berikut :

***“Majlis boleh menurut budi bicaranya mengecualikan atau mengurangkan bayaran lesen mana-mana perniagaan yang terdapat di dalam Jadual bersama-sama ini”***

Dengan pengecualian yang diberikan, ini bermakna aktiviti-aktiviti perniagaan seperti ini tidak perlu memohon Lesen Premis daripada MBSP. Biarpun diberikan pengecualian keperluan Lesen Premis oleh MBSP, namun pemilik aktiviti perniagaan masih perlu merujuk, mendaftar ataupun mendapatkan kelulusan menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan daripada Pihak Berkuasa Melesen yang berkenaan mengikut aktiviti perniagaan yang dijalankan seperti jadual 1.6 dan **Lampiran I** berdasarkan peruntukan perundangan pihak berkuasa melesen berkenaan.

No.	Aktiviti Perniagaan	Pihak Berkuasa Melesen	Dokumen Tambahan
1.	Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH)(MOH)	-Perakuan Pendaftaran untuk Menubuhkan/Menyenggarakan/ Mengendalikan/ Menyediakan Klinik Perubatan/Pergigian Swasta
2.	Klinik swasta	Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH)(MOH)	Sijil Amalan Tahunan
3.	Klinik Pergigian	Majlis Pergigian Malaysia (MDC), Majlis Optik Malaysia (MOM)	Perakuan Pendaftaran Pengamal Pergigian
4.	Pejabat Urusan Profesional Profesional (Peguam, Akauntan, Juruukur, Arkitek)	-Majlis Peguam -Malaysian Institute of Accountant -Lembaga Jurukur Bahan - Lembaga Arkitek	-Sijil Amalan Guaman/ (CLP) -Sijil Amalan Perakaunan / Practising Certificate

*Jadual 1.6: Pendaftaran/ Kelulusan Di Bawah Badan Pendaftar Profesional*

Namun begitu, sekiranya premis perniagaan aktiviti seperti jadual 1.6 ini mempunyai dan mempamerkan iklan / papan tanda premis perniagaan mereka melebihi 0.3 meter persegi maka adalah menjadi kewajipan pemilik perniagaan tersebut untuk memohon lesen iklan premis daripada MBSP.

### **1.7 Lain-Lain Pihak Berkuaasa Melesen**

Selain daripada keperluan pelesenan perniagaan di peringkat MBSP, terdapat juga keperluan dokumen pelesenan perniagaan oleh PBM berkaitan yang perlu dipatuhi oleh pemohon apabila ingin memulakan dan menjalankan aktiviti perniagaan tertentu, seperti di **Lampiran I**.

### **1.8 Asas Perundangan yang digunakan**

Berikut adalah senarai perundangan dan peraturan utama yang digunakan dalam mengawalselia aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan pentadbiran MBSP.

#### **1.8.1 Perundangan Persekutuan**

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976
2. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
3. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
4. Akta Makanan 1983
5. Akta Pengangkutan Jalan 1987
6. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
7. Uniform Building by Law (UBBL) 1984
8. Peraturan-Peraturan Makanan 1985

#### **1.8.2 Perundangan Negeri**

1. Enakmen Hiburan Dan Tempat - Tempat Hiburan 1998
2. Peraturan - Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001

#### **1.8.3 Perundangan MBSP**

1. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
2. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2017
3. Undang - Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016
4. Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
5. Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai 1982

6. Undang-Undang Kecil Kedai Makanan & Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974
7. Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
8. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
9. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
10. Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Mengganggu dan Setal -Setal Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974
11. Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
12. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
13. Undang-Undang Kecil (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
14. Undang-Undang Kecil (Iklan), Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001
15. Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai 1978
16. Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2020
17. Undang - Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan - Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit Dan Bangunan 2020
18. Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1978
19. Undang-Undang Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1975
20. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
21. Undang-Undang Kecil Vandalsme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
22. Undang - Undang Kecil Slaughter House 1957

## 2.0 PERMOHONAN LESEN PREMIS & IKLAN

### 2.1 Kategori Permohonan Lesen


Pemohon boleh merujuk kepada **Carta Alir I** dan **Carta Alir II** yang menunjukkan cara dan proses memohon Lesen Premis & Iklan secara umum mengikut kategori perniagaan seperti berikut :

JENIS KATEGORI PERMOHONAN LESEN	
<b>Tidak Berisiko Dalam Skim</b>	Semua Jenis Perniagaan Yang Disenaraikan Dalam Jadual A Dan Lokasi Perniagaan Berada Di Dalam Kawasan Perniagaan Yang Disyorkan Untuk Kegunaan Komersial.
<b>Tidak Berisiko Luar Skim</b>	Semua Jenis Perniagaan Yang Disenaraikan Dalam Jadual A Dan Lokasi Perniagaan Berada Di Luar Kawasan Perniagaan Yang Disyorkan Untuk Kegunaan Komersial Yang Memerlukan Ulasan Jabatan Teknikal Dalaman Dan Luaran.
<b>Berisiko Dalam Skim</b>	Semua Jenis Perniagaan Yang Berpotensi Memberi Kesan Kesihatan dan Keselamatan Kepada Orang Awam Dan Memerlukan Ulasan Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran. Lokasi Perniagaan Berada Di Dalam Kawasan Perniagaan Yang Disyorkan Untuk Kegunaan Komersial.
<b>Berisiko Luar Skim</b>	Semua Jenis Perniagaan Yang Berpotensi Memberi Kesan Kesihatan dan Keselamatan Kepada Orang Awam Dan Memerlukan Ulasan Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran. Lokasi Perniagaan Berada Di Luar Kawasan Perniagaan Yang Disyorkan Untuk Kegunaan Komersial.

## 2.2 Tatacata Permohonan Secara Atas Talian (*Online*)

### LANGKAH 1 :

Layari laman sesawang <https://speedbiz.mbsp.gov.my>




### LANGKAH 2 :

Daftar Akaun Baru - Lengkapkan butiran pendaftaran akaun yang telah disediakan. Tanda \* berwarna merah adalah butiran yang wajib dilengkapkan oleh pemohon. Klik DAFTAR bagi menghantar pendaftaran.

The image contains two side-by-side screenshots of the SPEEDBiz website. The left screenshot shows the 'Daftar Akaun Baru' button highlighted with a red box and a red arrow pointing to it. The right screenshot shows the detailed account registration form, which includes fields for personal information like name, address, contact details, and business details, all of which have red boxes highlighting them to indicate they are mandatory fields. Both screenshots show the same blue header and main title as the first one.

**LANGKAH 3 :**

Klik *link* yang telah dihantar ke e-mel yang didaftarkan bagi pengesahan pendaftaran akaun.





**LANGKAH 4 :**

Log masuk dengan menggunakan EMEL / NAMA PENGGUNA dan KATA LALUAN yang telah didaftarkan.



**LANGKAH 5 :**

Klik MOHON LESEN BARU dan pilih LESEN PREMIS DAN IKLAN.



### **LANGKAH 6 :**

Lengkapkan Maklumat Pemohon. Nama pemohon adalah merujuk kepada nama pemilik syarikat atau pemegang syer saham terbesar dalam syarikat.

Sistem Pengurusan Lesen Interaktif & Bersepadu

JOHARI BIN ABU

Maklumat Pemohon Semakan Sekatan

PERMOHONAN LESEN PREMIS DAN IKLAN

Sila isi maklumat dibawah

Nama Pemohon : JOHARI BIN ABU

Jenis Perniagaan \* : Pilih Jenis Perniagaan Organisasi...  
Sila isi maklumat ini

Jenis Pengenalan :  Kad Pengenalan Malaysia  
 Passport

No. Kad Pengenalan : 950704075123

Nama Syarikat \* :  
Sila isi maklumat ini\* Nama syarikat seperti yang telah didaftar

No. Pendaftaran Syarikat (No SSM) \* :  
Sila isi maklumat ini

AUID \* :  
Jika premis perniagaan anda tidak mempunyai No AUID, sila hubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk mendapatkan no pendaftaran. Atau tandakan dibawah untuk AUID sementara.

LOT :

Saya tidak mempunyai no AUID \*

\* Nombor AUID sementara akan dijana. Nombor AUID sementara ini tidak boleh digunakan sebagai nombor AUID tetap.

Rujuk Bil Cukai untuk No AUID  
No AUID boleh dirujuk pada bil cukai anda. Lihat contoh diatas.

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
 Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan 10/10, 10400 George Town, Pulau Pinang, 10400  
 Port Dickson, Negeri Sembilan, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan, 71000  
 Cukai Tempatan: 04-5497053 Faks: 04-5370768  
 E-mel: [warisan@mpsp.gov.my](mailto:warisan@mpsp.gov.my)  
 SEBERANG PERAI ONLINE SERVICE PORTAL  
[www.sberangperaionline.com](http://www.sberangperaionline.com)

**BIL CUKAI SETENGAH TAHUN PERTAMA 2019**  
**PROMOSI 2019 CUKAI PINTU**  
 Sila kejujuran dan benar dalam mengisi maklumat di bawah. Jika anda tidak benar dalam mengisi maklumat di bawah, maka MPPD di bawah Akaun Kepuan Tempatan 1975 (AKTA 171) menyatakan anda berhadapan dengan sanksi undang-undang mengenai kerajaan dan perundangan, serta penalti, mungkin dilaksanakan terhadap anda sebagaimana diaturkan dalam akta tersebut.

**LEJAR PEMILIK**

**Seterusnya →**

**LANGKAH 7 :** Semak Status Sekatan (Tunggakan Bayaran Kompaun Perniagaan, Senarai Hitam dan Tunggakan Cukai Taksiran). Pemohon perlu menjelaskan semua tunggakan bayaran sebelum dibenarkan meneruskan permohonan lesen. Jika butiran pemohon tersenarai di dalam Senarai Hitam, sila hubungi Jabatan Pelesenan untuk pertanyaan lanjut.

Sistem Pengurusan Lesen Interaktif & Bersepadu

Maklumat Pemohon    Semakan Sekatan    Aktiviti Premis    Borang    Muat Naik Dokumen    Pengesahan

Semakan Sekatan Permohonan

Tiada sekatan dijumpai. Teruskan permohonan anda.

A. Senarai Hitam    Tiada Sekatan

B. Kompaun Majlis    Tiada Sekatan

C. Pembayaran Cukai Taksiran    Tiada Sekatan

Kembali    Seterusnya →

### LANGKAH 8 :

Lengkapkan Maklumat Aktiviti Perniagaan, Maklumat Pemohon, Maklumat Organisasi, Maklumat Papan Iklan dan maklumat-maklumat lain berkaitan.

- Untuk maklumat pautan lokasi google map, pemohon perlu klik menu ‘Buka Peta’ dan menyalin pautan google maps lokasi premis pemohon dan mengisi pada menu maklumat pautan lokasi google maps.

**Maklumat Pemohon**

**Alamat Surat Menyurat**

**Maklumat Organisasi**

Sila klik kemasuki sebelum ke bahagian seterusnya

Kemasuki

Maklumat Premis Perniagaan

**Maklumat Premis Perniagaan**

Alamat Premis Perniagaan \*  Sila isi maklumat ini

Poskod \*  Sila Pilih

Bandar \*  Sila Pilih

Mukim \*  Sila Pilih

Sila isi maklumat ini

Daerah \*  Sila Pilih

Sila isi maklumat ini

**Panduan mengemaskini lokasi premis**

- 1.Tekan butang buka peta
- 2.Masukan alamat anda di bahagian carian
- 3.Salin link yang tertera pada google map dan masuk kan ke bahagian Pautan Lokasi Google Maps:

[Contoh Link](#)

[Buka Peta](#)

Pautan Lokasi Google Maps \*  https://www.google.com/

Latitude \*  Sila isi maklumat ini

Longitude \*  Sila isi maklumat ini

Status Bangunan \*  Sila Pilih

Sila isi maklumat ini

Jenis Bangunan \*  Sila Pilih

Sila isi maklumat ini

Status Pemilikan Bangunan \*  Sila Pilih

Sila isi maklumat ini

Ubahsuai kepada Bangunan  TIADA

Struktur dan Lokasi Premis Perniagaan

a) Adakah premis perniagaan anda mempunyai binaan tambahan di luar dan di dalam premis (keadaan bangunan tidak seperti asal)?

Ya  Tidak

b) Adakah premis perniagaan anda berada di dalam skim pembangunan yang dikhaskan untuk perniagaan.

Ya  Tidak

c) Adakah terdapat binaan kekal di atas jalan raya di hadapan / belakang premis atau penutupan parit dengan sesuatu binaan kekal?

Ya  Tidak

d) Adakah aktiviti perniagaan akan mengeluarkan atau menghasilkan bau / bunyi / bising / air sisa buangan / asap / habuk?

Ya  Tidak

e) Adakah aktiviti / premis perniagaan beroperasi di tingkat atas bangunan bertingkat?

Ya  Tidak

f) Adakah anda menjalankan perniagaan menjual aksesori kenderaan / kedai menjual tayar / Bengkel kereta atau lori / kedai menjual motosikal?

Ya  Tidak

**Kelulusan Pelan Bangunan MBSP**

No. Siri Borang F

Sila klik kemaskini sebelum ke bahagian seterusnya

[Kemaskini](#)

Premis Ini Mempunyai Papan Iklan

Saya menggunakan papan penunjuk arah di luar kawasan premis

JOHARI BIN ABU  
Log Keluar

[Kembali](#)

[Seterusnya](#)

Papan Iklan Premis ^

Premis Ini Mempunyai Papan Iklan

Butir-Butir Iklan

Tajuk Iklan \*

Dimiliki oleh \*  JIMAT ENTERPRISE

Garis Panduan Papan Iklan  Sila lihat garis panduan papan iklan untuk keterangan lanjut.

Ukuran (Meter) Panjang / Lebar Luas Tinggi    0

Lampu \* TIDAK BERLAMPU

Cara Dipamerkan \* Sila Pilih

Lokasi Pemasangan Iklan \* DEPAN

Lampiran Maklumat Tambahan

Salinan visual ilustrasi iklan yang diluluskan oleh DBP mengikut spesifikasi yang ditetapkan PBT (memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan lebih utama dan lebih besar berbanding Bahasa lain di Malaysia. Penggunaan Bahasa asing tidak dibenarkan).

Gambar lokasi atau kedudukan tempat pemasangan iklan premis.

INFO Boleh menggunakan di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat selain dengan cara yang diluluskan oleh JAKIM.

Sila klik kemaskini sebelum ke bahagian seterusnya

Saya menggunakan papan penunjuk arah di luar kawasan premis

JOHARI BIN ABU  Log Keluar  Seterusnya →

### LANGKAH 9 :

Jika perniagaan mempunyai papan iklan tunjuk arah, sila lengkapkan butiran papan iklan. Hanya papan iklan tunjuk arah di atas TANAH PERSENDIRIAN sahaja akan diproses.

Papan Iklan Premis

Premis Ini Mempunyai Papan Iklan

Butir-Butir Iklan

Tajuk Iklan \*

Dimiliki oleh \*  JIMAT ENTERPRISE

Ukuran (Meter)

Panjang / Tinggi	Lebar	Luas
0	0	0

Lampu \*  TIDAK BERLAMPU

Cara Dipamerkan \*  Sila Pilih

Lokasi Pemasangan Iklan \*  DEPAN

Lampiran Maklumat Tambahan

Salinan visual ilustrasi iklan yang diluluskan oleh DBP mengikut spesifikasi yang ditetapkan PBT (memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan lebih utama dan lebih besar berbanding Bahasa lain di Malaysia. Penggunaan Bahasa asing tidak dibenarkan).  
Gambar lokasi atau kedudukan tempat pemasangan iklan premis.  
INFO Boleh menggunakan di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat selain dengan cara yang diluluskan oleh JAKIM.

Sila klik kemaskini sebelum ke bahagian seterusnya

Saya menggunakan papan penunjuk arah di luar kawasan premis

Lesen Papan Iklan Tunjuk Arah Premis Perniagaan

Saya menggunakan papan penunjuk arah di luar kawasan premis

Data Papan Iklan

Panduan mengemaskini lokasi premis

1.Tekan butang buka peta  
2.Masukan alamat anda di bahagian carian  
3.Salin link yang tertera pada google map dan masuk kan ke bahagian Pautan Google Maps

Peta

Pautan Lokasi Google Maps \*  https://www.google.com/maps...

Latitud \*

Longitud \*

Deskripsi Alamat\*

Sila klik kemaskini sebelum ke bahagian seterusnya

### LANGKAH 10 :

Muatnaik dokumen-dokumen berkaitan. Pemohon diminta untuk memastikan dokumen yang dimuatnaik menepati kehendak dan keperluan yang ditetapkan di dalam sistem.

Dokumen wajib adalah merujuk kepada dokumen yang MESTI dimuatnaik oleh pemohon. Manakala Dokumen Pilihan adalah merujuk kepada dokumen yang perlu dimuatnaik SEKIRANYA ADA.

The screenshot shows the SPEEDBiz system interface for document upload. At the top, there's a navigation bar with the logo, user name 'JOHARI BIN ABU', and a profile icon. Below the bar, a progress bar indicates the current step is 'Muat Naik Dokumen'. On the left, a sidebar lists various menu items like Utama, Senarai Permohonan, and Soalan Lazim. The main area displays several document upload fields, each with a dropdown menu labeled 'Dokumen Wajib' or 'Dokumen Pilihan'. The first field, 'Gambar Berukuran passport terkini', has a red box around it and a red arrow pointing to it from the left. The last field, 'Kebenaran Merancang Premis', also has a red box around it and a red arrow pointing to it from the left. At the bottom right, a large red arrow points to a yellow 'Seterusnya →' button.

### LANGKAH 11 :

Semak semula butiran permohonan yang telah dilengkapkan dan nyatakan perakuan permohonan.  
Klik HANTAR jika permohonan telah lengkap.

**Pengesahan & Akuanji**

Sila semak semua butiran permohonan anda.

**A. Maklumat Pemohon**

Nama Pemohon :	JOHARI BIN ABU
No. Kad Pengenalan :	950704075123
Tarikh Lahir :	4/JULAI/1995
Tempat Lahir :	PULAU PINANG
Jantina :	LELAKI
Warganegara :	BUMIPUTERA
Alamat Emel :	NBILABDILLAH@OUTLOOK.COM
No. Telefon Bimbit :	01110590893
Alamat Surat Menyurat :	NO 40 TINGKAT 1, LORONG LIMAU MANIS 3 TAMAN LIMAU MANIS, 14000, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
Nama Syarikat atau Pertubuhan :	JIMAT ENTERPRISE
No. Pendaftaran Syarikat atau Pertubuhan :	177301012256 (289950-A)
Jenis Organisasi :	SYARIKAT
Jenis Perniagaan Organisasi :	SENDIRIAN BERHAD
Tarikh Pendaftaran :	5/MEI/2021
Tarikh Habis Tempoh :	TIADA
Jawatan Dalam Syarikat atau Pertubuhan :	pemilik
No. Telefon Organisasi :	01110590893
No. Faks Organisasi :	TIADA

**B. Premis**

Alamat 1 :	NO 40 TINGKAT 1 LORONG LIMAU MANIS 3
Poskod :	14000
Bandar :	BUKIT TENGAH
Mukim :	MUKIM 6
Daerah :	SEBERANG PERAI TENGAH
Latitude :	5.3516579
Longitude :	100.4337757
Jenis Bangunan :	RUMAH KEDAI/KEDAI PEJABAT
Status pemilikan bangunan :	SEWA
Ubahsuai kepada bangunan :	TIADA
No. siri borang F :	TIADA

**C. Aktiviti Perniagaan**

NAMA AKTIVITI	MAKLUMAT TAMBAHAN	TINGKAT	JENIS AKTIVITI
AIR BUAH-BUAHAN TERMASUK KORDEL DAN SIRAP (PEMBORONG / PENJUAL / PERKHIDMATAN)	KAKI PERSEGI : 39	1	UTAMA

**JOHARI BIN ABU**  
**Log Keluar** **Kembali** **Seterusnya →**

Dengan ini saya JOHARI BIN ABU No. Kad Pengenalan 950704075123 mengaku dan mengesahkan bahawa :

- Segala maklumat yang diberikan adalah benar
- Aktiviti perniagaan tidak akan diubah atau ditambah tanpa kebenaran majlis
- Tidak menjalankan sebarang aktiviti yang menyalah syarat lesen yang dikeluarkan oleh Majlis
- Mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Jika ingkar, lesen saya boleh dibatalkan dan dikenakan tindakan perundangan mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasa.

Tarikh: 26/JULAI/2021

Sila semak semua butiran

**A. Maklumat Pemohon**

No. Kad Pengenalan :  Sila Sahkan No. Kad Pengenalan

Saya mengesahkan perakuan ini Hantar Permohonan

Tarikh Lahir: 4/JULAI/1995

JOHARI BIN ABU Log Keluar

#### LANGKAH 12 :

Sistem akan membenarkan pembayaran lesen dan cetakan lesen bagi permohonan yang dikategorikan sebagai TIDAK BERRISIKO DAN BERISIKO DALAM SKIM. Manakala permohonan yang dikategorikan sebagai TIDAK BERRISIKO DAN BERISIKO LUAR SKIM memerlukan tempoh 21 hari dari tarikh permohonan lengkap disemak untuk mendapatkan keputusan permohonan.

✓

Permohonan telah diluluskan

Berdasarkan maklumat perniagaan yang dihantar, permohonan anda layak mendapat kelulusan automatik. Sila klik butang 'Bayar' untuk membuat pembayaran. Klik 'Kembali' untuk kembali ke halaman utama.

Isi Borang Muat Naik Dokumen Semakan Tunggakan Dihantar untuk Proses Dalam Penilaian Bayaran Lesen Sedia untuk Dicetak

Kembali Bayar

Mohon lesen baru disini Mohon Lesen Baru

JOHARI BIN ABU Log Keluar

**Pembayaran Lesen**

**JOHARI BIN ABU**  
950704075123  
NO 40 TINGKAT 1, LORONG LIMAU MANIS 3 TAMAN LIMAU MANIS, 14000, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

No	Perkara	Bilangan	Unit	Harga	Jumlah
1	Air Buah-buahan Termasuk Kordel dan Sirap (Menjual/Memborong/Perkhidmatan)	39	Kaki Persegi	RM 120.00	RM 51.95

Jumlah Keseluruhan RM 51.95

**Lihat Bil** **Bayar**

Mohon lesen baru disini **Lihat Bil** **Bayar**

Atas talian

**Bill**

1 / 1 | - 88% + |

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
MENARA MBSP, JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG  
No. Telefon: 04-5497555  
No. Fax: 04-5389700 / 04-5395588  
Laman Web: <http://www.mbsp.gov.my>

**Bil Pembayaran**


No. Bil  
**H01712001627292815**

Kepada  
**JOHARI BIN ABU**  
950704075123  
NO 40 TINGKAT 1  
LORONG LIMAU MANIS 3 TAMAN LIMAU MANIS  
14000

**BUTIRAN BIL**

No	Perkara	Bilangan	Unit	Harga	Jumlah
1	Air Buah-buahan Termasuk Kordel dan Sirap (Menjual/Memborong/Perkhidmatan)	39	Kaki Persegi	120.00	51.95

Jumlah Keseluruhan RM 51.95



Dengan menggunakan sistem yang sama, pemohon juga boleh memperbaharui lesen premis dan iklan serta membuat permohonan pindaan butiran lesen.

Sila rujuk kepada Manual Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (SPEEDBiz) di <https://speedbiz.mbsp.gov.my/login> untuk perincian lanjut tatacara permohonan lesen secara atas talian.

## 2.3 Pematuhan Syarat/ Keperluan Asas Sebelum Memohon

Terdapat beberapa syarat-syarat dan peraturan am yang perlu dipatuhi oleh pemohon sebelum mendapatkan Lesen Premis & Iklan, dan terdapat juga keperluan pematuhan yang perlu dipenuhi oleh pemohon selepas Lesen Premis & Iklan tersebut diluluskan.

Selain dari syarat-syarat dan peraturan am, terdapat juga syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh pemohon jika hendak memohon Lesen Premis & Iklan bagi jenis perniagaan yang tertentu seperti premis makanan, hiburan, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan, perkhidmatan internet/kafe siber, bengkel membaiki kenderaan, pusat servis kenderaan, pusat mencuci/ penjagaan kereta, dobi, pasaraya, penyimpanan/ pergudangan, hotel/rumah tumpangan/premis penginapan, menjual binatang peliharaan, perniagaan barang lusuh/barang terpakai, dan juga iklan premis.

Berikut adalah keperluan asas yang perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan Lesen Premis & Iklan kepada MBSP;

1. Premis mempunyai Sijil Layak Menduduki/ premis mempunyai Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)/ Permit Bangunan yang sah
2. Memastikan pematuhan zon/ kesesuaian lokasi aktiviti perniagaan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa/ MBSP.
3. Aktiviti perniagaan yang dijalankan mematuhi semua keperluan syarat guna bangunan atau lain-lain keperluan berkaitan.
4. Jika premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan MBSP serta mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan
5. Memastikan cukai taksiran dan kompaun tertunggak yang dikenakan oleh MBSP dibayar serta mematuhi segala syarat-syarat penggunaan bangunan yang berkaitan.
6. Mematuhi keperluan berkenaan yang ditetapkan oleh Jabatan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar, MBSP, Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan lain-lain jabatan teknikal/ agensi pengawal selia yang berkenaan.

### 3.0 SYARAT DAN PERATURAN LESEN PREMIS & IKLAN

Selain daripada syarat-syarat dan peraturan am yang perlu dipatuhi oleh pemohon sebelum mendapatkan Lesen Premis & Iklan, terdapat juga keperluan pematuhan yang perlu dipenuhi dan dipatuhi oleh pemohon selepas Lesen Premis & Iklan tersebut diluluskan terutamanya apabila menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan mengikut asas perundangan yang dikuatkuasa oleh MBSP. Selain daripada syarat-syarat dan peraturan am yang terkandung dalam buku panduan ini, terdapat juga syarat-syarat tambahan yang boleh dikenakan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

**Jika mana-mana orang melanggar syarat-syarat lesen atau mana-mana peruntukan perundangan yang digunakan oleh MBSP adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda.**

Berikut adalah syarat-syarat dan keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen apabila menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan;

#### 3.1 SYARAT DAN PERATURAN AM

**Semua Premis Perniagaan Am Perlu Mamatuh Syarat-Syarat Ini dan Syarat Khusus Mengikut Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Kecuali Kategori Industri.**

1. Memastikan lesen sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
2. Memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
3. Lesen tidak boleh ditukar milik kepada individu/syarikat lain tanpa kelulusan Majlis
4. Memastikan kemudahan tandas dalam keadaan baik dan bersih.
5. Dilarang penjualan / penggunaan polisterin untuk penyediaan / pembungkusan / penghidangan makanan / minuman
6. Memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna di kawasan premis.
7. Tidak menutup longkang / parit atau membuat sebarang binaan yang menutup longkang tanpa kelulusan MBSP.
8. Menguruskan sisa air/ sisa buangan/ sisa pepejal/ sampah domestik secara berjadual dan mengikut syarat yang ditetapkan
9. Dilarang meletakkan sebarang benda di laluan awam dan kaki lima kecuali mendapat kelulusan MBSP.
10. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan.
11. Dilarang menghalang pintu masuk/pintu keluar, membuat apa-apa sambungan binaan di luar premis asal atau binaan yang menutup longkang kecuali dengan kelulusan MBSP.
12. Memastikan premis perniagaan mempunyai kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan yang sah daripada MBSP kecuali bagi lesen premis dan iklan yang diluluskan mengikut garis panduan MBSP tertentu.

13. Memastikan sebarang ubahsuai mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP sebelum ianya dilaksanakan.
14. Bagi premis yang mendapat status kelulusan struktur sementara, perlu memperbaharui permit sementara bangunan sebelum pembaharuan lesen boleh dibenarkan.
15. Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Perlu membuat permohonan pindaan jika terdapat tambahan / pengurangan aktiviti perniagaan atau papan iklan berkaitan perniagaan.
16. Larangan penjualan tiket loteri/perjudian di premis selain di premis yang dibenarkan sahaja.
17. Tidak dibenarkan mengambil pekerja warganegara asing yang tidak mempunyai visa kerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959 / 63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.
18. Pemilik perniagaan hendaklah menyediakan salinan dokumen visa kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan memastikan salinan dokumen tersebut berada di premis perniagaan untuk pemeriksaan pegawai penguatkuasa MBSP.
19. Dilarang menjalankan aktiviti jualan barang seludup/tiruan atau apa-apa barang yang menyalahi Undang-Undang Kerajaan Malaysia.
20. Premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus warganegara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan.
21. Tidak dibenarkan memberi beg plastik secara percuma kepada pelanggan. Caj sebanyak RM 0.20 perlu dikenakan untuk sehelai beg plastik. Kutipan caj beg plastik perlu diserahkan kepada PBT pada setiap bulan sebelum 15 hari bulan setiap bulan.
22. Dilarang membekalkan beg plastik secara percuma atau dengan bayaran pada setiap hari ISNIN, SELASA dan RABU sempena kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Pulau Pinang (No plastic Bag Day).
23. Tidak dibenarkan memberi beg plastik secara percuma kepada pelanggan pada setiap Hari KHAMIS, JUMAAT, SABTU dan AHAD . Caj sebanyak RM1.00 perlu dikenakan kepada setiap helaian beg plastik perlu dikenakan.
24. Kutipan caj beg plastik perlu diserahkan kepada MBSP pada setiap bulan atau dua bulan sekali atau tiga bulan sekali sebelum 15 hari bulan.
25. Tidak dibenarkan menyediakan penyedut minuman plastik secara langsung kepada pelanggan.
26. Spesifikasi papan iklan hendaklah memenuhi contoh lakaran papan iklan di muka surat 6.
27. Papan iklan menutup tingkap dan papan iklan di atas bumbung adalah tidak dibenarkan.
28. Bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi semua iklan dan perlu lebih besar samada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.

29. Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Kebangsaan ia tidak perlu diterjemahkan di dalam Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktivitinya di dalam Bahasa Kebangsaan.
30. Premis hendaklah dicat semula di luar dan di dalam sekiranya keadaan cat telah luntur / pudar.
31. Sediakan peti ubat yang dilengkapi dengan ubat-ubatan dan pastikan tidak tamat tempoh.
32. Semua barang-barang yang tidak berguna ditegah dilonggok di merata tempat tetapi hendaklah disusun dengan teratur atau dibuang.
33. Hendaklah disediakan tong sampah bersaiz yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis, bertudung dan mencukupi mengikut keperluan perniagaan yang dijalankan.
34. Menyediakan dua (2) bekas yang berasingan untuk mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula dan sampah biasa dan mengamalkan Pengasingan Sisa Di Punca.
35. Menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit 9kg Pemadam Api Jenis Serbuk Kering ABC.
36. Alat pemadam api tuan hendaklah dihantar ke Jabatan Bomba tiap-tiap tahun untuk diuji dan dipastikan tidak tamat tempoh.
37. Semua alat pemadam api hendaklah digantung pada dinding satu (1) meter dari paras lantai berdekatan jalan-jalan keluar supaya mudah dilihat dan senang dicapai.
38. Diwajibkan untuk membuat sewaan petak letak kenderaan di hadapan premis perniagaan sebanyak dua (2) unit atau bergantung kepada keperluan yang ditetapkan oleh MBSP bagi aktiviti perniagaan pusat aksesori kenderaan, kedai jualan motosikal, kedai membaiki kenderaan, dan Kedai Jualan Tayar Kenderaan.
39. Lesen perniagaan hendaklah diperbaharui sebelum tarikh tamat lesen mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh MBSP.

### 3.2 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PUSAT JAGAAN / TASKA / TADIKA PUSAT TUISYEN / SEKOLAH MUZIK / INSTITUSI PENDIDIKAN / PUSAT PERKEMBANGAN MINDA

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ATAU Jabatan Pendidikan Negeri bagi menjalankan aktiviti perniagaan pusat jagaan / taska atau tadika.
2. Dilarang menggunakan mana-mana bilik/ruang di premis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya melainkan mendapat kebenaran MBSP.
3. Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran MBSP.
4. Taska dan pusat asuhan yang beroperasi di premis kediaman perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang Perubahan Material dari MBSP.
5. Sekiranya aktiviti beroperasi di premis yang lebih dari setingkat , pemilik perniagaan perlu menyediakan tangga kecemasan di bahagian luar bangunan. (Sila rujuk panduan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan Garis Panduan Membina Struktur Tangga Tambahan bagi Taska dan Tadika).
6. Alat-alat permainan yang digunakan hendaklah selamat dan bersih.
7. Menyediakan salinan perkhidmatan kawalan makhluk perosak dan pembawa penyakit daripada panel yang berdaftar.
8. Memastikan pengendali makanan menghadiri Kursus Pengendali Makanan dan membuat pemeriksaan perubatan serta mendapatkan suntikan tifoid.
9. Semua pusat jagaan dikehendaki menggunakan nama standard bagi pendaftaran syarikat seperti manan ditetapkan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993(Akta 506). Penggunaan nama standard tersebut juga perlu digunakan di setiap papan tanda atau apa-apa yang berkaitan seperti berikut :  
**“PUSAT JAGAAN”** jika pusat jagaan itu menggunakan Bahasa Kebangsaan bagi namanya. (Contoh: Pusat Jagaan ABC; atau,  
**“CARE CENTRE”** jika pusat jagaan itu menggunakan Bahasa Inggeris bagi namanya. (Contoh: ABC Care Centre)
10. Pengusaha perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam syarat kesihatan terutamanya pengawalan dan pencegahan penyakit-penyakit berjangkit . Kanak-kanak yang disahkan mendapat penyakit berjangkit perlu diasingkan segera untuk mencegah jangkitan kepada kanak-kanak yang berada dalam premis yang sama.

#### SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### 3.3 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PASARAYA/ HYPERMARKET/ SUPERMARKET

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Memastikan lokasi premis perniagaan mematuhi keperluan kesesuaian zon / kawasan yang dibenarkan
2. Memastikan keadaan yang bersesak-sesak atau bunyi bising yang merupakan kacau-ganggu tidak berlaku.
3. Mendapatkan kelulusan/ lesen perniagaan daripada pihak berkuasa melesen lain yang berkaitan dengan penjualan produk/ barang yang dikawal selia (contoh Lesen Barang Kawalan-KPDNHEP, Lesen Menjual Beras-MOA dll).
4. TIDAK menjual barang yang tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa Malaysia (contoh barang tiruan, barang larangan dll)
5. Memastikan premis sentiasa diselenggara dengan baik dan bersih dengan menyediakan tiga (3) buah tong sampah kitar semula yang mewakili jenis-jenis sampah yang boleh dikitar semula di setiap aras pasaraya / hypermarket / supermarket. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah diuruskan untuk dikitar semula.
6. Memastikan tong sampah bagi sisa biasa diletakkan secara bersama dengan tong-tong sampah bagi sisa yang boleh dikitar semula di lokasi strategik dan tumpuan orang ramai di setiap aras pasaraya / hypermarket / supermarket.
7. Menyediakan sekurang-kurangnya sebuah tong roro untuk mengisi sampah dan hendaklah dilupuskan sendiri di tapak pelupusan Pulau Burung. Pelupusan secara sendiri dengan menggunakan khidmat kontraktor yang berdaftar dengan MBSP.
8. Memastikan semua kehendak keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa dipatuhi sepenuhnya.
9. Meyediakan kemudahan tempat parkir kenderaan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan wanita mengandung dalam bilangan yang mencukupi dan menjalankan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan petak parkir tersebut.
10. Sekiranya ada aktiviti hiburan di dalam pasaraya / hypermarket / supermarket, pengurusan hendaklah memastikan pemilik aktiviti hiburan memohon lesen hiburan awam daripada MBSP.
11. Sekiranya terdapat aktiviti jualan / promosi yang dijalankan di ruang legar / kosong pasaraya / hypermarket / supermarket, pengurusan hendaklah memastikan pemilik jualan / promosi memohon permit sementara pasaraya daripada MBSP.
12. Jualan arak / liquor hendaklah mempunyai lesen yang sah.
13. Mematuhi syarat-syarat jualan arak / liquor seperti berikut :
  - 13.1 Tidak dibenarkan sama sekali premis perniagaan menjual arak di bawah flat / apartment / kondo /atau rumah kediaman yang sama jenis.
  - 13.2 Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang.

- 13.3 Waktu operasi untuk penjualan arak secara runcit adalah hanya dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam. Setiap kabinet yang menempatkan arak perlu dikunci selepas tempoh jualan arak yang dibenarkan.
- 13.4 Tidak dibenarkan penjualan/pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.
- 13.5 Peniaga adalah dikehendaki menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah dan seseorang yang beragama Islam seperti berikut :

TEMPOH MASA JUALAN ARAK :  
10.00 PAGI HINGGA 9.00 MALAM

AMARAN

MENJUAL MINUMAN BERALKOHOL/ARAK KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR  
DUA PULUH SATU TAHUN DAN SESEORANG YANG BERAGAMA ISLAM  
ADALAH DILARANG

Spesifikasi Papan Tanda Adalah Seperti Berikut :

- i. Papan tanda mestilah berbentuk segi empat tepat.
- ii. Saiz minimum papan tanda hendaklah 50 cm lebar dan 60cm panjang.
- iii. Huruf besar penghurufan yang berhuruf hitam yang berciri bukan serif, tidak kurang daripada penghurufan bersaiz 48 poin hendaklah digunakan pada papan tanda larangan.
- iv. Jenis huruf adalah jenis ARIAL.
- v. Satu bulatan tebal dan tanda palang berwarna merah yang menindih gambar hitam minuman beralkohol di dalam botol bersama gelas hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda.
- vi. Papan tanda hendaklah berlatar belakang warna putih.

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:**

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### 3.4 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI HIBURAN (PUB/ PUSAT ISTIREHAT/ KARAOKE / SNUKER dll) SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI HIBURAN AWAM (PUB / PUSAT ISTIREHAT / KARAOKE / SNUKER DAN LAIN-LAIN BERKAITAN AKTIVITI HIBURAN)

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Perlu memohon dan mempunyai Lesen Hiburan Awam di bawah Enakmen Hiburan Negeri sebelum menjalankan aktiviti hiburan.
2. Semua premis Pusat Hiburan Awam diwajibkan mematuhi masa operasi yang dibenarkan yang diluluskan oleh MBSP.
  - i. Aktiviti mesin simulator / mesin mencuba nasib:
    - Ahad hingga Khamis : 2.00 petang hingga 12.00 tengah malam
    - Jumaat dan Sabtu : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
  - ii. Lain-lain aktiviti hiburan:
    - Isnin hingga Khamis : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
    - Jumaat, Sabtu dan Ahad : 2.00 petang hingga 3.00 pagi
3. MBSP boleh membatalkan atau menyekat lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau peraturan yang berkaitan.
4. Hiburan berbentuk lucuh dan ganas tidak dibenarkan.
5. Tidak dibenarkan membawa masuk, mengedor, menjual, mengambil dan menghisap dadah atau bahan terlarang.
6. Alkohol adalah tidak dibenarkan melainkan premis tersebut telah mendapat kelulusan Lesen Minuman Keras daripada pihak berkuasa melesen berkaitan.
7. Tidak dibenarkan membawa masuk apa-apa bentuk senjata.
8. Tidak dibenarkan individu berumur bawah 18 tahun berada di dalam premis hiburan. Notis hendaklah dipamerkan di pintu masuk sebelah luar. Contoh notis "Orang yang berumur di bawah 18 tahun dilarang masuk"
9. Pusat karaoke yang mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan- sekatan di dalamnya perlu mendapatkan kelulusan pengubahsuaian dari MBSP. Pintu hendaklah mempunyai cermin telus cahaya dan dinding kalis bunyi serta tidak berkunci sepanjang masa beroperasi.
10. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti tidak bermoral.

#### SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### 3.5 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PUSAT RAWATAN KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Memastikan perkakas dan alatan sentiasa dicuci dan disterilkan.
2. Memastikan pekerja yang memberikan rawatan dan urutan menjalani pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan setahun sekali.
3. Pintu masuk ke premis hendaklah satu per empat daripada permukaannya adalah cermin telus dan pintu tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
4. Pintu masuk ke bilik rawatan boleh dipasang dengan pintu yang sekurang-kurangnya 60 sentimeter per segi adalah cermin telus dan pintu itu hendaklah tidak dikunci.
5. Penggunaan langsir selain daripada untuk pintu bilik rawatan adalah dibenarkan.
6. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
7. Dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar premis.
8. Rekod yang mengandungi maklumat peribadi beserta gambar pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
9. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikuti konsep terbuka serta mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.

### 3.6 SYARAT PELESENAN BAGI PERNIAGAAN PUSAT SIBER / KEDAI INTERNET CAFE

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Perniagaan hendaklah hanya sebagai pusat siber/internet cafe yang dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
2. Memastikan keadaan yang bersesak-sesak atau bunyi bising yang merupakan kacau-ganggu tidak berlaku.
3. Memastikan semua kehendak keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa dipatuhi sepenuhnya.
4. Jualan arak / liquor dan rokok di dalam premis adalah tidak dibenarkan.
5. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya yang berbentuk hiburan seperti berikut:
  - 5.1 Permainan video
  - 5.2 Perjudian
  - 5.3 Gambar-gambar lucah
  - 5.4 Muzik (pipe music)

- 5.5 Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur unsur negatif.
6. Pengusaha pusat siber dan internet cafe hendak mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan internet cafe.
  7. Pekerja yang perlu disediakan untuk tujuan pengawasan adalah seorang pekerja untuk empat (4) buah komputer.
  8. Dilarang mengadakan sekatan di dalam premis.
  9. Gambar / poster-poster lucah dan menghairahkan tidak dibenarkan di tampil di dinding premis.
  10. Masa beroperasi dihadkan sehingga pukul 12.00 tengah malam sahaja.
  11. Bagi pengunjung yang berumur di bawah 18 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan internet café sehingga pukul 10.00 malam sahaja.
  12. Pusat siber dan internet cafe hanya dibuka kepada pengunjung yang berumur 18 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, mereka yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan internet café dengan ditemani oleh ibubapa atau penjaga.
  13. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang daripada memasuki pusat siber dan internet cafe.
  14. Pusat siber dan internet café hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan sahaja.
  15. Pintu hendaklah mempunyai cermin telus cahaya dan dinding kalis bunyi serta tidak berkunci sepanjang masa beroperasi.
  16. Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok daripada luar.
  17. Pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:**

- 1 Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### 3.7 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN DOBI/ PUSAT CUCIAN

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS:

1. Mematuhi segala keperluan teknikal berkaitan daripada Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan dan Jabatan Perancangan Bandar MBSP.
2. Memastikan semua saliran air/ sisa air buangan hendaklah disalurkan ke sistem pembentungan dan mengikut semua peraturan yang ditetapkan oleh MBSP.
3. Ruang storan gas hendaklah diasingkan dengan struktur yang sesuai dan mempunyai pengudaraan yang baik mengikut semua peraturan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba. Sistem amaran kebocoran gas hendaklah disediakan.

### 3.8 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN HOTEL/ RUMAH TUMPANGAN/ PREMIS PENGINAPAN

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Aktiviti hotel / rumah tumpangan / premis penginapan hanya dibenarkan di premis atau bangunan perdagangan komersil yang telah mendapat kelulusan perancangan, patuh syarat guna bangunan dan mempunyai Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
2. Pengusaha hendaklah menyediakan buku daftar dan memastikan maklumat penginap diisi dengan lengkap.
3. Premis hendaklah digunakan untuk tujuan penginapan sahaja. Kegiatan penyalahgunaan premis seperti pelacuran, perjudian, penagihan dadah dan aktiviti tidak bermoral yang lain adalah dilarang.
4. Pengusaha hendaklah memastikan bahawa pelanggan-pelanggan yang menginap di premis hotel/rumah tumpangan tidak menjalankan/ menimbulkan/ mewujudkan aktiviti yang bercanggah/dilarang seperti:
  - Melakukan aktiviti berunsurkan pelacuran/maksiat di dalam bilik hotel.
  - Meminum minuman keras dan memabukkan atau melakukan perbuatan yang tidak senonoh di dalam bilik hotel.
  - Menganjurkan apa-apa jenis hiburan di dalam bilik hotel.
  - Mengadakan apa-apa mesyuarat atau perhimpunan berbentuk politik di dalam bilik hotel tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.
  - Menimbulkan masalah kacauanggu yang boleh menganggu ketenteraman dan keselesaan pelanggan/penghuni lain.
  - Menjual barang yang menganggu sensitiviti masyarakat Malaysia.
5. Fee hotel perlu dijelaskan pada atau sebelum 10 haribulan setiap bulan mengikut tahap bintang yang telah diberi oleh Kementerian Pelancongan Dalam Negeri

- (MOTAC). Lesen premis boleh ditarik balik sekiranya gagal menjelaskan fee hotel dalam tempoh yang dinyatakan.
6. Setiap hotel / rumah tumpangan / premis penginapan hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia.
  7. Jualan arak / liquor hendaklah mempunyai lesen yang sah.
  8. Mematuhi syarat-syarat jualan arak / liquor seperti berikut :
    - 8.1 Tidak dibenarkan sama sekali premis perniagaan menjual arak di bawah flat / apartment / kondo /atau rumah kediaman yang sama jenis.
    - 8.2 Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang.
    - 8.3 Waktu operasi untuk penjualan arak secara runcit adalah hanya dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam. Setiap kabinet yang menempatkan arak perlu dikunci selepas tempoh jualan arak yang dibenarkan.
    - 8.4 Tidak dibenarkan penjualan/pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.
    - 8.5 Peniaga adalah dikehendaki menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah dan seseorang yang beragama Islam seperti berikut :

TEMPOH MASA JUALAN ARAK :  
10.00 PAGI HINGGA 9.00 MALAM

#### AMARAN

MENJUAL MINUMAN BERALKOHOL/ARAK KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR DUA PULUH SATU TAHUN DAN SESEORANG YANG BERAGAMA ISLAM ADALAH DILARANG

Spesifikasi Papan Tanda Adalah Seperti Berikut :

- i. Papan tanda mestilah berbentuk segi empat tepat.
- ii. Saiz minimum papan tanda hendaklah 50 cm lebar dan 60cm panjang.
- iii. Huruf besar penghurufan yang berhuruf hitam yang berciri bukan serif, tidak kurang daripada penghurufan bersaiz 48 poin hendaklah digunakan pada papan tanda larangan.
- iv. Jenis huruf adalah jenis ARIAL.
- v. Satu bulatan tebal dan tanda palang berwarna merah yang menindih gambar hitam minuman beralkohol di dalam botol bersama gelas hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda.
- vi. Papan tanda hendaklah berlatar belakang warna putih.

#### SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### **3.9 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN MENJUAL KERETA TERPAKAI / PUSAT MENCUCI KERETA / KEDAI AKSESORI KENDERAAN / KEDAI MENGECHAT KENDERAAN**

#### **SYARAT-SYARAT KHUSUS :**

1. Memastikan lokasi premis perniagaan mematuhi keperluan kesesuaian zon/kawasan yang dibenarkan MBSP.
2. Kereta jualan hanya boleh dipamerkan di dalam premis perniagaan sahaja.
3. Semua sisa minyak terjadual hendaklah dilupuskan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan perlu melantik satu kontraktor bertauliah dan berdaftar untuk menguruskan sisa tersebut.
4. Aktiviti mengecat atau menyembur kenderaan perlu dijalankan di dalam premis dan mestilah dalam kawasan tertutup dan dikhaskan untuk mengecat sahaja.
5. Premis perlu menyediakan saluran air yang teratur bagi menyalurkan air basuhan ke tanki kumbahan. Semua air basuhan, cucian, pemprosesan, buangan cecair kotor atau lain-lain benda yang menganggu atau benda kotor hendaklah disalurkan ke sistem saluran kumbahan premis.
6. Tidak dibenarkan mengadakan sebarang sistem saluran secara terus ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam di hadapan, belakang atau di sebelah premis.
7. Aktiviti yang dijalankan hendaklah tidak boleh menyebabkan kacau ganggu kepada jalan dan penghuni berhampiran.
8. Premis pusat servis kenderaan dan bengkel membaiki kenderaan hendaklah menyediakan perangkap minyak (grease trap) yang berfungsi dan diselenggara dengan baik.

#### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:**

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

### 3.10 SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PERINDUSTRIAN/ PERKILANGAN

#### SYARAT-SYARAT AM BAGI AKTIVITI PERINDUSTRIAN / PERKILANGAN

1. Memastikan lesen sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
2. Memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
3. Lesen tidak boleh ditukar milik kepada individu/syarikat lain tanpa kelulusan Majlis
4. Memastikan kemudahan tandas dalam keadaan baik dan bersih.
5. Dilarang penjualan / penggunaan polisterin untuk penyediaan / pembungkusan / penghidangan makanan / minuman
6. Memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna di kawasan premis.
7. Tidak menutup longkang / parit atau membuat sebarang binaan yang menutup longkang tanpa kelulusan MBSP.
8. Menguruskan sisa air/ sisa buangan/ sisa pepejal/ sampah domestik secara berjadual dan mengikut syarat yang ditetapkan
9. Dilarang meletakkan sebarang benda di laluan awam dan kaki lima kecuali mendapat kelulusan MBSP.
10. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan.
11. Dilarang menghalang pintu masuk/pintu keluar, membuat apa-apa sambungan binaan di luar premis asal atau binaan yang menutup longkang kecuali dengan kelulusan MBSP.
12. Memastikan premis perniagaan mempunyai kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan yang sah daripada MBSP kecuali bagi lesen premis dan iklan yang diluluskan mengikut garis panduan MBSP tertentu.
13. Memastikan sebarang ubahsuai mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP sebelum ianya dilaksanakan.
14. Bagi premis yang mendapat status kelulusan struktur sementara, perlu memperbaharui permit sementara bangunan sebelum pembaharuan lesen boleh dibenarkan.
15. Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Perlu membuat permohonan pindaan jika terdapat tambahan / pengurangan aktiviti perniagaan atau papan iklan berkaitan perniagaan.
16. Larangan penjualan tiket loteri/perjudian di premis selain di premis yang dibenarkan sahaja.
17. Tidak dibenarkan mengambil pekerja warganegara asing yang tidak mempunyai visa kerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959 / 63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.
18. Pemilik perniagaan hendaklah menyediakan salinan dokumen visa kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan memastikan salinan dokumen tersebut berada di premis perniagaan untuk pemeriksaan pegawai penguatkuasa MBSP.

19. Dilarang menjalankan aktiviti jualan barang seludup/tiruan atau apa-apa barang yang menyalahi Undang-Undang Kerajaan Malaysia.
20. Premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus warganegara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan.
21. Dilarang membekalkan beg plastik secara percuma atau dengan bayaran pada setiap hari ISNIN, SELASA dan RABU sempena kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Pulau Pinang (No plastic Bag Day).
22. Tidak dibenarkan memberi beg plastik secara percuma kepada pelanggan pada setiap Hari KHAMIS, JUMAAT, SABTU dan AHAD . Caj sebanyak RM1.00 perlu dikenakan kepada setiap helaian beg plastik perlu dikenakan.
23. Kutipan caj beg plastik perlu diserahkan kepada MBSP pada setiap bulan atau dua bulan sekali atau tiga bulan sekali sebelum 15 hari bulan.
24. Tidak dibenarkan menyediakan penyedut minuman plastik secara langsung kepada pelanggan.
25. Spesifikasi papan iklan hendaklah memenuhi contoh lakaran papan iklan di muka surat 4.
26. Papan iklan menutup tingkap dan papan iklan di atas bumbung adalah tidak dibenarkan.
27. Bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi semua iklan dan perlu lebih besar samada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.
28. Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Kebangsaan ia tidak perlu diterjemahkan di dalam Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktivitinya di dalam Bahasa Kebangsaan.
29. Premis hendaklah dicat semula di luar dan di dalam sekiranya keadaan cat telah luntur / pudar.
30. Sediakan peti ubat yang dilengkapi dengan ubat-ubatan dan pastikan tidak tamat tempoh.
31. Semua barang-barang yang tidak berguna ditegah dilonggok di merata tempat tetapi hendaklah disusun dengan teratur atau dibuang
32. Hendaklah disediakan tong sampah bersaiz yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis, bertudung dan mencukupi mengikut keperluan perniagaan yang dijalankan.
33. Menyediakan dua (2) bekas yang berasingan untuk mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula dan sampah biasa dan mengamalkan Pengasingan Sisa Di Punca.
34. Menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit 9kg Pemadam Api Jenis Serbuk Kering ABC.
35. Alat pemadam api tuan hendaklah dihantar ke Jabatan Bomba tiap-tiap tahun untuk diuji dan dipastikan tidak tamat tempoh.
36. Semua alat pemadam api hendaklah digantung pada dinding satu (1) meter dari paras lantai berdekatan jalan-jalan keluar supaya mudah dilihat dan senang dicapai.

- 37 Diwajibkan untuk membuat sewaan petak letak kenderaan di hadapan premis perniagaan sebanyak dua (2) unit atau bergantung kepada keperluan yang ditetapkan oleh MBSP bagi aktiviti perniagaan pusat aksesori kenderaan, kedai jualan motosikal, kedai membaiki kenderaan, dan Kedai Jualan Tayar Kenderaan.
- 38 Lesen perniagaan hendaklah diperbaharui sebelum tarikh tamat lesen mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh MBSP.

**SYARAT-SYARAT KHUSUS :**

1. Memastikan premis berada di dalam zon industri (berat/ kecil & sederhana dll) yang telah disediakan oleh MBSP.
2. Memastikan bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar disimpan dalam bekas bertutup.
3. Memastikan semua bahan disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah kebocoran bahan-bahan berbahaya.
4. Aktiviti pemunggahan hendaklah dilakukan di petak khas atau tempat khas pemunggahan barang yang dibenarkan oleh MBSP dan tidak menghalang lalulintas.
5. Lantai hendaklah berkonkrit, kukuh dan kalis air yang senang dicuci serta tidak licin. Kemasan dinding dalam stor premis hendaklah dari bahan kalis air yang senang dicuci.
6. Barang bukan makanan atau berbahaya tidak dibenarkan disimpan bersama dengan makanan/minuman.
7. Semua barang gudang hendaklah disusun dengan kemas, teratur, bersih dan selamat di atas rak-rak daripada bahan yang tidak mudah berkarat, plastik yang tahan lama atau pallet kayu yang kukuh dan senang dibersihkan.
8. Bahan makanan dan minuman di gudang hendaklah dibungkus dengan sempurna dan bersih, tidak terdedah serta perlu dilabelkan.
9. Melantik kontraktor yang berdaftar dengan MBSP untuk menguruskan pembuangan sampah industri di tapak pelupusan pulau Burung, SPS. Tidak dibenarkan pembuangan sampah secara haram di selain tempat yang dinyatakan.
10. Kilang yang menghasilkan sisa berjadual hendaklah dilupuskan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan perlu melantik satu kontraktor bertauliah dan berdaftar untuk menguruskan sisa tersebut.
11. Cecair effluent perlu dirawat sebelum dibenarkan untuk dialirkan ke parit monsoon.
12. Kesemua sistem perparitan perlu disambungkan ke tapak logi pengolahan air.
13. Membuat pensampelan effluent dan menghantar keputusan analisis kepada Jabatan Pelesenan untuk tempoh enam (6) bulan sekali.
14. Memastikan effluent yang dilepaskan menepati standard dan piawaian yang ditetapkan oleh semua agensi penguatkuasaan.
15. Dilarang menyebabkan sebarang pencemaran kepada alam sekitar dan orang awam.

#### SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

#### **3.11 SYARAT-SYARAT AM BAGI PEMASANGAN IKLAN PREMIS PERNIAGAAN (Setiap Permohonan Lesen Papan Iklan Dikompositkan Dalam Borang Permohonan Lesen.)**

1. Iklan hendaklah dipasang di tempat-tempat yang diluluskan sahaja dan jumlah iklan yang hendak dipamerkan mestilah mengikut bilangan yang diluluskan sahaja.
2. Contoh-contoh iklan hendaklah memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Malaysia. Nama perniagaan seperti didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, jenama, logo, *trademark*, nama *francais*, dan bahasa-bahasa lain boleh digunakan tertakluk kepada Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
3. Semua bayaran lesen iklan hendaklah dijelaskan sebelum papan iklan dinaikkan dan kelulusan Lesen Iklan akan dianggap luput dan terbatasi sekiranya tiada bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan.
4. Kelulusan ini adalah terpakai selama tempoh satu (1) tahun atau mana-mana tempoh yang diluluskan dari tarikh surat ini dikeluarkan dan pihak pemohon perlu memperbaharui lesen iklan ini dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh sah laku lesen ini berakhir.
5. MBSP berhak membatalkan lesen iklan/ menurunkan papan iklan atau mengenakan tindakan undang-undang sekiranya terdapat pemohon yang melanggar syarat-syarat seperti berikut:
  - mempamerkan papan iklan yang tidak serupa dengan contoh visual yang diluluskan
  - mempamerkan papan iklan yang lesennya telah tamat tempoh
  - mempamerkan papan iklan yang melebihi jumlah yang diluluskan
  - mempamerkan papan iklan terlebih dahulu tanpa mendapat lesennya
  - mempamerkan papan iklan di bangunan, premis atau tempat-tempat yang tidak diluluskan
7. Sebarang tuntutan/pampasan tidak akan dibayar kepada pemohon atas pembatalan lesen atau penurunan papan iklan tersebut.
8. MBSP berhak menuntut kos perkhidmatan dan penurunan ke atas permohonan yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.
9. MBSP berhak mengeluarkan notis bertulis kepada pemohon sekiranya diperlukan untuk menggantikan, memperbaiki, mengecat dan membersihkan papan iklan berkaitan bagi tujuan penyenggaraan atau untuk kepentingan awam dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis tersebut.

10. Bagi pemasangan papan iklan kekal jenis berlampa (illuminated sign) yang dipasang pada fasad bangunan, pemohon hendaklah menggunakan PVC bagi melindungi wayar elektrik yang disambung pada papan iklan, kedudukan PVC tersebut perlulah berada dalam keadaan 0 darjah atau 90 darjah dan PVC tersebut perlu dicat semula mengikut warna permukaan dinding.
11. Papan iklan bercahaya perlu dinyalakan dengan lampu '3 Amp' atau mana- mana lampu yang setaraf dengannya.
12. MBSP berhak mengarahkan supaya papan iklan kekal ini diturunkan atau diubah lokasi/ kedudukan pada bila- bila masa dalam tempoh kelulusan bagi maksud tertentu.
13. Pemohon juga dikehendaki mempamerkan lesen iklan ini di premis perniagaan bagi tujuan pemantauan oleh pihak MBSP dari masa ke semasa.
14. Semua kelulusan lesen dan pemasangan papan iklan adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam perundangan MBSP.
15. Iklan yang mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan perlu mendapatkan permit struktur daripada MBSP. Iklan yang menutup tingkap adalah tidak dibenarkan sama sekali.
16. Iklan tidak boleh menggunakan perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman tersebut telah diproses/dimasak/dibuat mengikut piawaian JAKIM.
17. Bagi iklan berkaitan promosi aktiviti Umrah/Haji atau aktiviti pelancongan keluar negara perlu mendapatkan kelulusan/pemegang lesen daripada Kementerian Pelancongan

### 3.12 SYARAT PELESENAN BAGI PREMIS MAKANAN / MEDAN SELERA

#### SYARAT-SYARAT KHUSUS :

1. Semua pengusaha/ pengendali makanan dan minuman diwajibkan menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH)atau MBSP.
2. Pekerja yang terlibat dengan penyediaan/ pengendalian makanan wajib mendapatkan suntikan pelalian anti tifoid terkini.
3. Mengemukakan kad kesihatan dan sijil pengendalian makanan yang sah semasa pemeriksaan dijalankan.
4. Semua pengendali makanan dan pekerja hendaklah sentiasa berpakaian bersih dan kemas, memakai penutup kepala dan apron.
5. Semua pengendali makanan hendaklah menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti berkuku pendek serta berambut pendek (lelaki) atau diikat kemas (perempuan) untuk mengelakkan berlaku penyakit berjangkit.
6. Memastikan sijil penggredan premis makanan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.

7. Bilangan dan kedudukan gerai tambahan jika berkaitan di dalam sesebuah premis makanan hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh MBSP.
8. Sediakan tempat membasuh (washing basin) bersama-sama bahan pencuci (sabun).
9. Sediakan bekalan paip yang bersih.
10. Dilarang membuang sisa air/makanan/minyak dari sinki ke dalam perparitan awam dan perlu memasang alat perangkap sisa makanan/minyak yang berfungsi dengan baik serta menepati piawaian MBSP. Peralatan dan sisa makanan perlu dipasang dan diselenggara dengan baik.
11. Air basuhan hendaklah disambung terus ke sistem pembentungan dan bebas minyak dan sisa makanan.
12. Menyediakan jadual pembersihan secara berkala.
13. Sistem perparitan yang sempurna perlu disediakan dan dijaga kebersihannya sepanjang masa.
14. Dinding premis hendaklah dipasang dengan jubin atau bahan lain yang mudah dibersihkan, sekurang kurangnya 6 kaki dari paras lantai atau yang ditetapkan oleh MBSP.
15. Lantai dan dinding premis perlu di mop dan dicuci selalu.
16. Premis hendaklah dicat semula di luar dan di dalam premis sekiranya keadaan cat telah luntur / pudar.
17. Kebersihan premis / tempat makanan dan kawasan sekeliling (radius 3 – 5 meter daripada bangunan premis) hendaklah dijaga setiap masa.
18. Semua sampah sarap dan sisa-sisa makanan mesti dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
19. Sediakan dua (2) bekas yang berasingan untuk pengasingan sisa makanan dan minyak masak.
20. Semua barang-barang yang tidak digunakan ditegah dilonggok di merata-rata tempat dan hendaklah disusun dengan teratur atau dibuang.
21. Kerja-kerja masakan dan basuhan hendaklah dijalankan di dalam premis sahaja dan tidak dibenarkan dilakukan di luar premis.
22. Dilarang meletakkan gerai-gerai, rak makanan, dan peralatan di lorong belakang, kaki lima, siarkaki atau di lorong tepi premis.
23. Menyediakan ‘exhaust fan’ mengikut syarat-syarat dan keperluan teknikal yang ditetapkan oleh MBSP.
24. Sediakan pencahayaan dan pengaliran udara yang mencukupi di dalam premis.
25. Sediakan peti ubat kecemasan dan hendaklah selalu dilengkapi dengan ubat-ubatan yang masih sah laku.
26. Semua permukaan peralatan meja, kerusi dan barang-barang penyediaan bersangkutan makanan hendaklah dilapik dari bahan formika, marble atau lain-lain bahan yang licin.
27. Semua perkakas pinggan mangkuk, sudu dan garfu hendaklah dalam berkeadaan baik dan tidak sumbing, pecah atau berkarat.

28. Pastikan semua makanan yang dijual adalah berkeadaan baik, tidak rosak atau tercemar.
29. Gunakan penyepit, sudu dan garfu untuk mengambil makanan dan penggunaan tangan secara langsung ke makanan adalah tidak digalakkan sama sekali.
30. Semua pinggan mangkuk hendaklah dicuci dengan baik dan bersih dengan menggunakan sabun dan dikeringkan dengan kain yang bersih.
31. Menyediakan stor untuk penyimpanan bahan mentah kering dan bahan tersebut hendaklah disimpan di rak bertingkat di atas paras lantai.
32. Semua ramuan yang digunakan untuk memasak dilabelkan dan disimpan dalam bekas khas tertutup.
33. Semua barang-barang yang tidak boleh dimakan dan beracun hendaklah dilabel dan disimpan ditempat atau bilik berasingan dengan bahan mentah atau makanan lain.
34. Premis makanan dan stor hendaklah bebas dari alat/lipas/tikus/serangga dan haiwan yang seumpamanya.
35. Semua premis makanan digalakkan melantik satu syarikat kawalan serangga perosak untuk mengawal dan mencegah pembiakan lipas/alat/tikus/serangga secara berkala.
36. Dilarang sebarang binatang belaan seperti kucing, anjing, ayam, itik dan burung berada di dalam premis.
37. Menyediakan kemudahan tandas yang mencukupi, bersih dan dilengkapi kemudahan mencuci tangan serta kemudahan sinki cuci tangan dengan bekalan seperti sabun cecair, tisu, tong sampah bertutup dan pewangi untuk kegunaan pelanggan dan memastikan terdapat pengaliran udara yang mencukupi.
38. Mendapat kelulusan Pendaftaran Premis Makanan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH)(FOSIM).
39. Majlis boleh menarik balik lesen sekiranya penggredan tandas berada di bawah tahap 3 bintang.
40. Majlis boleh menarik balik lesen sekiranya penggredan kebersihan premis berada pada tahap gred selain dari Gred A & B.
41. Memastikan kepatuhan berterusan terhadap peraturan yang dikuatkuasa oleh MBSP, Jabatan Kesihatan Negeri Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan lain-lain pihak berkuasa.
42. Jualan arak / liquor hendaklah mempunyai lesen yang sah.
43. Mematuhi syarat-syarat jualan arak / liquor seperti berikut :
  - 43.1 Tidak dibenarkan sama sekali premis perniagaan menjual arak di bawah flat / apartment / kondo /atau rumah kediaman yang sama jenis.
  - 43.2 Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang.
  - 43.3 Waktu operasi untuk penjualan arak secara runcit adalah hanya dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam. Setiap kabinet yang menempatkan arak perlu dikunci selepas tempoh jualan arak yang dibenarkan.

- 43.4 Tidak dibenarkan penjualan/pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.
- 43.5 Peniaga adalah dikehendaki menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah dan seseorang yang beragama Islam seperti berikut :

TEMPOH MASA JUALAN ARAK :  
10.00 PAGI HINGGA 9.00 MALAM

#### **AMARAN**

MENJUAL MINUMAN BERALKOHOL/ARAK KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR  
DUA PULUH SATU TAHUN DAN SESEORANG YANG BERAGAMA ISLAM  
ADALAH DILARANG

Spesifikasi Papan Tanda Adalah Seperti Berikut :

- i. Papan tanda mestilah berbentuk segi empat tepat.
- ii. Saiz minimum papan tanda hendaklah 50 cm lebar dan 60cm panjang.
- iii. Huruf besar penghurufan yang berhuruf hitam yang berciri bukan serif, tidak kurang daripada penghurufan bersaiz 48 poin hendaklah digunakan pada papan tanda larangan.
- iv. Jenis huruf adalah jenis ARIAL.
- v. Satu bulatan tebal dan tanda palang berwarna merah yang menindih gambar hitam minuman beralkohol di dalam botol bersama gelas hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda.
- vi. Papan tanda hendaklah berlatar belakang warna putih.

#### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:**

Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

#### 4.0 PEMBAHARUAN LESEN

Sahlaku Lesen Premis & Iklan adalah berdasarkan yang dinyatakan didalam kelulusan lesen tersebut. Setiap lesen akan tamat tempoh pada 31 Disember setiap tahun. Lesen boleh diperbaharui untuk tempoh 1 hingga 3 tahun. Peniaga dipertanggungjawabkan untuk membuat pembaharuan lesen sebelum tarikh tamat tempoh selagi mana peniaga masih menjalankan perniagaan berkenaan. Peniaga yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan perundangan MBSP yang berkaitan.

#### 5.0 PINDAAN LESEN

Peniaga bertanggungjawab untuk membuat permohonan pindaan lesen jika terdapat perubahan maklumat/ aktiviti perniagaan oleh pemegang lesen. Peniaga yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan perundangan MBSP yang berkaitan. Peniaga boleh membuat permohonan untuk pembatalan lesen sekiranya perniagaan tersebut telah dihentikan.

Jenis pindaan lesen yang dibenarkan adalah seperti berikut :

- i. Pindaan nama syarikat.
- ii. Pindaan nama pemilik syarikat / pemegang lesen.
- iii. Tambahan alamat premis perniagaan bagi premis bersebelahan dengan premis yang telah dilesenkan.
- iv. Tambahan atau pengurangan aktiviti perniagaan sampingan (*sub activities*).
- v. Tambahan bagi aktiviti perniagaan am sebagai aktiviti sampingan (*sub activities*) di dalam lesen yang menjalankan aktiviti perniagaan industri.
- vi. Tambahan atau pengurangan jumlah papan iklan.

Walau bagaimanapun, terdapat pindaan yang tidak dibenarkan seperti berikut :

- i. Penukaran alamat premis perniagaan.
- ii. Tambahan alamat premis perniagaan yang tidak bersebelahan dengan premis perniagaan sedia ada.
- iii. Penukaran aktiviti perniagaan utama.
- iv. Tambahan aktiviti perniagaan industri sebagai aktiviti sampingan (*sub activities*) di dalam lesen yang menjalankan aktiviti perniagaan am.

**LAMPIRAN I****LESEN PREMIS DAN IKLAN : TAMBAHAN KEPERLUAN DOKUMEN SOKONGAN  
MENGIKUT AKTIVITI PERNIAGAAN****1) PERKILANGAN/PERINDUSTRIAN/BENGKEL/KEJURUTERAAN**

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
1.	Memproses Barang Kawalan Berjadual	Lesen Mengilang Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	Perindustrian/Pembuatan/kilang memproses yang menggunakan mesin jentera	Kelulusan Mesin Jentera	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia (MOHR)
3.	Membuat Alat-Alat Timbang & Sukat	Lesen Membuat / Membaki / Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat 1972	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
4.	Membuat Papan Suis	Kelulusan Untuk Mengilang Papan Suis	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
5.	Membuat Peralatan Gas	Mengilang Peralatan Gas	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
6.	Memproses Bahan Berasaskan Biodiesel	Lesen Biobahan Api	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI PERNIAGAAN</b>	<b>DOKUMEN TAMBAHAN</b>	<b>PIHAK BERKUASA MELESEN</b>
7.	Memproses produk berasaskan bahan Kelapa Sawit	Lesen Kategori Utama : (i) Membina Kilang (ii) Pekebun Kecil (iii) Estet (iv) Lain-lain	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
8.	Mengawet Tembakau	Lesen Mengawet Tembakau	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
9.	Memproses Produk Berasaskan Tembakau	Lesen Mengilang Tembakau atau Keluaran Tembakau	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
10.	Memproses produk berasaskan Getah	Lesen Pembuatan Produk Getah	Lembaga Getah Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
11.	Membina badan/ Mengubahsuai Kenderaan Perdagangan	Sijil Pengiktirafan Pendaftaran Bengkel Kejuruteraan (Bina Badan / Pengubahsuai Teknikal Kenderaan Perdagangan)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
12.	Pembuatan Kenderaan Perdagangan Bina Semula/ Kereta Rekon	Kelulusan Pendaftaran Kilang Kenderaan Perdagangan Bina Semula (Rebuilt)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
13.	Pemasangan dan pengubahsuaian teknikal bagi CNG/NGV	Pendaftaran bengkel kejuruteraan (pemasangan dan pengubahsuaian teknikal bagi CNG/NGV)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
14.	Memproses minyak kelapa sawit mentah	Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis yang Ditetapkan (Minyak Kelapa Sawit Mentah)	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)
15.	Memproses Getah Asli Mentah	Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis yang Ditetapkan (Getah Asli Mentah)	Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)
16.	Memproses Produk Berasaskan Kayu	Lesen Industri Berasaskan Kayu (Kilang Papan, Plywoo, Moulding, Perabot dll.)	Pejabat Perhutanan Negeri, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
17.	Memproses Barang Farmaseutikal	Lesen Pengilang Keluaran Berdaftar(Farmaseutikal)	Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
18.	Memproses produk makanan	Skim Pensijilan Good Manufacturing Practice (GMP), HACCP	Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
19.	Memproses Padi	Lesen Kilang Padi (Komersil)	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
20.	Memproses Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
21.	Memproses Nanas/Produk Berasaskan Nanas	Pendaftaran Kilang Nanas dan Kilang Kecil	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
22.	Membuat baju kalis peluru	Permit mengimport/ membeli/ memakai/ memiliki/ mengilang bagi membuat dan menjual baju kalis peluru	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN)
23.	Membuat senjata api	Lesen senjata api	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN)

## 2) PERKHIDMATAN - PERUNCITAN / JUALAN

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
1.	Menjual Barang Kawalan Berjadual	Lesen Runcit Bagi Barang Kawalan Berjadual Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961(CSA)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2.	Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat 1972	Lesen Membuat/Membaiki Menjual Alat-Alat Timbang & Sukat Di Bawah Akta Timbang & Sukat 1972	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
3.	Menjual Cakera Optik	Lesen Cakera Optik di bawah Akta Cakera Optik 2000	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

